

20 JUL 2003

TIMBALAN PENDAKWA RAYA PERLIS MATI DITIMPA POKOK

YAN, 20 Julai (Bernama) -- Seorang Timbalan Pendakwa Raya yang bertugas di Kangar, Perlis mati selepas ditimpa sebatang pokok yang ditebangnya dengan gergaji di dusun Kampung Teloi Bukit, Guar Chempedak, dekat sini, semalam.

Ketua Daerah Polis Yan DSP Che Yussof Che Ngah berkata Mahathir Shafie, 44, yang mengalami kecederaan parah di kepala dan patah tulang rusuk, mati di tempat kejadian.

Katanya semasa kejadian pada pukul 2 petang itu, Mahathir bersama isterinya Shahirah Ismail dan seorang saudara perempuan sedang membersihkan dusun miliknya itu.

"Pasukan bomba terpaksa dipanggil untuk membantu memotong pokok getah sebesar pemeluk yang menimpa mangsa," katanya semasa dihubungi di sini, hari ini.

Che Yussof berkata Mahathir mempunyai enam anak dan sering ke kebun berkenaan pada waktu cuti.

Jenazahnya dikebumikan pagi ini di kampung allahyarham, Kampung Lepai, Hutan Kampung di Alor Star.

-- BERNAMA

MZM RON